

Tokoh Lagu Rakyat Negeri Terengganu: Ramli Bin Ibrahim

Nur Syazana Abdullah
Nursuhadah Mohamad Soupi
Ahmad Zam Hario Samsudin
Mohd Nazir Ahmad

Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana
Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam,
Selangor.

Abstrak

Artikel ini berdasarkan kepada pengalaman dan pencapaian seorang individu yang merupakan tokoh, penggiat dan aktivis lagu rakyat negeri Terengganu yang banyak memberi sumbangan kepada seni tradisional sejak berpuluhan tahun lalu. Ia berdasarkan kepada temubual yang telah dijalankan bersama Encik Ramli Bin Ibrahim. Antara perkara yang disentuh dalam artikel ini ialah mengenai kisah latar belakang, pendidikan, pekerjaan yang telah diceburi, pembabitan dalam bidang seni, penghargaan dan pencapaian yang dikecapi dan harapan beliau terhadap seni lagu rakyat ini. Beliau juga kini telah menjadi sumber rujukan kepada para pelajar dan pensyarah dari institusi pengajian tinggi serta institusi kerajaan untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai bidang lagu rakyat ini.

Kata Kunci: Ramli Bin Ibrahim, Lagu rakyat Negeri Terengganu, Aktivis lagu rakyat, Seni tradisional.

Latar Belakang Ramli Ibrahim

Ramli Bin Ibrahim atau lebih dikenali sebagai Pak Ramli telah dilahirkan pada 11 September 1949 di Kampung Pasir Panjang, Kuala Terengganu, Terengganu. Beliau juga mempunyai nama pena yang tersendiri iaitu "Ramli Ib". Pak Ramli merupakan anak bongsu daripada tiga adik beradik. Anak kepada pasangan Fatimah Abdullah dan Ibrahim Abdullah ini adalah seorang yang mudah mesra sejak kecil lagi. Beliau telah kematian ayahnya ketika beliau berumur setahun. Setelah kematian ayahnya, beliau tinggal bersama ibu dan dua lagi abangnya. Pak Ramli telah menamatkan zaman bujang beliau bersama gadis pilihan hati beliau iaitu Puan Muzikiah Binti Salim pada tahun 1984. Pertemuan mereka terjadi ketika Pak Ramli menjadi tenaga pengajar

tarian di kelab belia dan Puan Muzikiah merupakan anak murid beliau. Hasil perkongsian hidup, pasangan ini dikurniakan tiga cahaya mata iaitu dua orang puteri dan seorang putera. Kini, ketiga-tiga anak beliau telah pun mempunyai kerjaya sendiri.

Pada awalnya Pak Ramli hanya menjadikan nyanyian sebagai hobi beliau di masa lapang. Beliau mula menyanyi sejak dari bangku sekolah lagi. Minat beliau terhadap bidang nyanyian dan perasaan ingin mengenali bidang nyanyian dengan lebih mendalam ketika itu telah membawa beliau menyertai kursus asas nyanyian yang diadakan pada setiap hujung minggu yang dianjurkan oleh Jabatan Belia dan Sukan negeri Terengganu.

Pendidikan

Pak Ramli telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Pusat Bukit Besar Kuala Terengganu, Terengganu. Seterusnya, beliau melanjutkan pengajian ke peringkat menengah di Sekolah Menengah Tengku Bariah, Kuala Terengganu. Sekolah-sekolah yang pernah beliau duduki adalah sekolah beraliran Inggeris. Semenjak di bangku sekolah lagi, beliau begitu aktif mewakili sekolah di dalam aktiviti kurikulum. Antara matapelajaran yang digemari oleh beliau ialah sejarah. Beliau telah menamatkan pengajian sehingga tingkatan tiga sahaja kerana kesempitan hidup. Sepanjang pengajian, beliau disara oleh abang beliau yang berkerja di perlombongan bijih Bukit Besi. Ketika tahun 1979, beliau telah memasuki Pusat Latihan Belia Dusun Tua, Hulu Langat, Selangor selama dua tahun.

Perkerjaan yang diceburi

Pak ramli merupakan seorang kakitangan kerajaan yang berkhidmat di Jabatan Belia dan Sukan negeri Terengganu. Beliau telah memohon pekerjaan di Jabatan Belia dan Sukan negeri Terengganu setelah tamat latihan di Pusat Latihan Belia Dusun Tua dan memulakan perkhidmatan beliau pada tahun 1971. Pak Ramli telah bertugas sebagai pembantu am di jabatan ini. Ketika beliau berkhidmat di Jabatan Belia dan Sukan negeri Terengganu ini, beliau telah mengambil peluang untuk mengembangkan lagi bakat dan minat beliau dengan sering terlibat dengan latihan seni budaya yang bertempat di Dewan Tapihan Gelanggang, Jabatan Belia dan Sukan negeri Terengganu.

Sepanjang tempoh perkhidmatan beliau bersama jabatan ini, beliau telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang sebanyak dua kali. Anugerah ini pernah disampaikan oleh Dato' Seri Azalina Binti Othman Said, Menteri Belia dan Sukan ketika itu di Putrajaya. Setelah berkhidmat selama 34 tahun, Pak Ramli mengambil keputusan untuk bersara pada tahun 2004.

Pembabitan dalam Bidang Seni

Pembabitan Pak Ramli dalam bidang seni lagu rakyat adalah sangat meluas dan beliau mempunyai pelbagai kemahiran dalam bidang seni lagu rakyat ini. Sebagai contoh, penari lagu rakyat, menyanyi lagu rakyat Terengganu, bermain alat muzik gamelan dan penulis lirik lagu rakyat Terengganu.

Pengalaman Menari

Pak Ramli mula menceburi bidang seni sebagai penari pada tahun 1973. Selain itu Pak Ramli juga menyatakan bahawasanya setiap lagu rakyat mesti dipersembahkan bersama tarian. Setiap tarian haruslah bersetujuan dengan lagu. Gerak tari tarian akan direka berdasarkan lagu sebagai contoh tarian untuk lagu Ulek Mayang. Lagu tersebut adalah pemujaan nelayan pada zaman dahulu untuk memuja semangat laut ketika pesta pantai untuk mendapatkan hasil tangkapan yang banyak. Selain itu, ia juga digunakan untuk tujuan keselamatan semasa berada di laut. Tarian Ulek Mayang melibatkan tujuh perempuan iaitu tujuh puteri yang menjelma di laut dan lelaki sebagai nelayan yang memuja semangat puteri-puteri untuk mendapat hasil yang banyak di samping keselamatan semasa di laut.

Tidak syak lagi, tarian yang dipersembahkan bersama lagu melambangkan identiti lagu tersebut. Tarian tersebut menceritakan keseluruhan maksud lagu-lagu yang disampaikan. Pak Ramli sendiri pernah terlibat di dalam tarian di Anugerah Sukan Negeri Terengganu yang bertema orang asli dan Pak Ramli memainkan peranan sebagai orang asli yang memegang obor api untuk penyerahan semasa perasmian.

Pak Ramli adalah bekas penari kebudayaan dalam kumpulan Penari dan Pemuzik Tetap Negeri Terengganu (SUKTRA) di bawah naungan Dato Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu. Pada masa ini, Pak Ramli bergiat

aktif mengajar tarian rakyat kepada Persatuan-persatuan Belia Negeri Terengganu, Badan-badan Kesenian sekitar Kuala Terengganu dan Rumah Anak Yatim Darul Falah Bukit Payong, Marang.

Pengalaman Menyanyi

Pak Ramli telah menceburi bidang nyanyian dari tahun 1973 iaitu tahun yang sama Pak Ramli bergiat di dalam seni menari. Pak Ramli bermula sebagai penyanyi latar pada ketika itu bersama Puan Wan Salmah Sulaiman. Pak Ramli menganggap bahawa bakatnya dalam bindang nyanyian adalah anugerah daripada Tuhan kerana Pak Ramli tidak mendapat didikan daripada mana-mana pihak dan tenaga pengajar. Kemahiran menyanyi Pak Ramli adalah daripada minat Pak Ramli sendiri untuk bergiat dalam nyanyian lagu rakyat ini. Tambahan pula, Pak Ramli mendapat sokongan dan dorongan yang tidak berbelah bahagi daripada isteri dan anak-anak untuk terus bergiat dalam nyanyian lagu rakyat.

Malah Pak Ramli juga tidak mempunyai sebarang pantang larang dalam makan minum dalam menjaga suara. Pak Ramli menganggap semua ini adalah anugerah Tuhan kepada Pak Ramli kerana Pak Ramli tidak perlu risau tentang gaya pemakanan sehari-hari Pak Ramli dalam mengekalkan suara. Sehingga sekarang Pak Ramli masih bergiat aktif mengadakan persembahan nyanyian lagu rakyat apabila di jemput untuk mengadakan persembahan. Untuk sesebuah persembahan Pak Ramli akan menyanyikan enam sehingga sepuluh buah lagu dan pemilihan lagu adalah berdasarkan permintaan pihak pengajur dan kesesuaian majlis.

Sekarang Pak Ramli bergiat aktif dalam kumpulan Sahabat Gamelan (SAGA) Terengganu yang ditubuhkan oleh UniSZA dan Kumpulan Warisan Sari. Ini adalah kerjasama yang berterusan kerana jika UniSZA mengadakan sebarang majlis, Pak Ramli antara tetamu yang akan dijemput untuk membuat persembahan nyanyian lagu rakyat.

Pengalaman Bermain Alat Muzik Gamelan

Pak Ramli mula bermain alat muzik gamelan pada tahun 1975. Pak Ramli mendapat didikan daripada tiga orang tenaga pengajar. tiga orang tenaga pengajar Pak Ramli adalah berlatar belakangkan pengalaman bermain alat muzik gamelan di dalam istana. Pak Ramli rasa sangat bertuah kerana dapat mempelajari kemahiran bermain alat muzik gamelan daripada orang yang tinggal di istana.

Pak Ramli dapat bermain semua jenis alat muzik gamelan. Alat muzik gamelan adalah peralatan yang wajib ada dalam persembahan lagu rakyat Terengganu. Kemahiran Pak Ramli dalam bermain alat muzik gamelan tidak dipersiakan oleh Pak Ramli dimana beliau mewariskan kemahiran beliau dengan menjadi tenaga pengajar di sekolah yang bermain alat muzik gamelan.

Kini Pak Ramli giat bermain alat muzik gamelan bersama kumpulan SAGA– UniSZA¹ dan kumpulan Warisan Sari, Tok Jembal, Kuala Nerus, Terengganu. Sehingga kini Pak Ramli telah menyertai Festival Gamelan Sedunia di Terengganu sebanyak lima kali sebagai Pemain Muzik Gamelan.

Pengalaman Menulis Lirik

Pak Ramli memulakan kerjaya sebagai penulis lirik pada tahun 1975 iaitu tahun yang sama bermulanya kerjaya Pak Ramli sebagai pemain alat muzik gamelan. Dalam erti kata yang lain, selama tempoh Pak Ramli menulis lirik lagu rakyat Terengganu beliau telah banyak menyumbangkan idea dalam penulisan lirik dan melodi. Untuk menulis lirik, Pak Ramli bukan sahaja menyumbangkan idea berseorangan tetapi Pak Ramli juga berkerjasama dengan penulis lirik yang lain. Pak Ramli telah menulis sebanyak 51 buah lagu hasil ciptaan melodi dan lirik daripada Pak Ramli sendiri. Tidak lupa juga hasil kerjasama Pak Ramli bersama penulis lagu rakyat yang lain, dimana beliau telah menulis 74 buah lirik lagu dan 54 buah melodi.

Untuk pengetahuan umum, lagu ciptaan Pak Ramli pernah digubah semula oleh arwah Pak Ngah²(Patendu Patende, Rodat). Pak Ramli mempunyai hubungan yang sangat baik dengan arwah Pak Ngah. Lagu rakyat yang digubah oleh arwah Pak Ngah adalah melodinya sahaja supaya lebih mengikut rentak peredaran masa dan lagu tersebut masih relevan untuk terus

¹ Sahabat Gamelan – Universiti Sultan Zainal Abidin

² Datuk Suhaimi Bin Mohd Zain (komposer lagu dan pemilik syarikat rakaman Pak Ngah Production Sdn. Bhd)

didengar. Selain itu, terdapat juga lagu ciptaannya yang digubah semula melodinya oleh arwah Pak Ngah dan dinyanyikan oleh penyanyi popular.

Dalam menghasilkan lagu rakyat Pak Ramli mendapat ilham melalui keadaan sekeliling dan pengalaman Pak Ramli sendiri. Lirik yang dicipta mempunyai pengajaran yang tersirat. Dialek yang digunakan dalam ciptaan lirik lagu adalah dialek Terengganu. Antara lagu ciptaan dan senikata Pak Ramli yang popular adalah Zapin Darul Iman, Embun Soksek, Tikar Selundang, Guane Gamok Tegamu Kite, Wa Timang Landak dan Anak Udang (Norhafizah Musa, 2007, ms. 20).

Kerjaya Sekarang

Pada tahun 2002 dan 2003 Pak Ramli telah dilantik dan diberi mandat oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), cawangan Negeri Terengganu dan RTM Terengganu (Trg FM) sebagai penyelaras dan penyelia lagu-lagu dan tarian untuk program Salam Pantai Timur di RTM 1. Sebagai penyelia dan peyelaras, Pak Ramli telah ditugaskan untuk mencari bakat-bakat baru dan mengetengahkan lagu-lagu rakyat serta memilih penyanyi-penya nyi baru sebagai artis dalam program Salam Pantai Timur. Melalui program tersebut seramai Sembilan belas orang penyanyi bakat baru berjaya diketengahkan oleh Pak Ramli.

Rentetan daripada program Salam Pantai Timur, Pak Ramli juga bertanggungjawab untuk menjaga kostum dan aksesori para peserta supaya baju dan aksesori yang dipakai bersesuaian dengan lagu yang akan disampaikan. Selain itu, untuk RTM Terengganu (Trg FM) Pak Ramli turut menyediakan satu lagu baru untuk didengar pada setiap bulan. Maksudnya disini adalah, setiap sebulan Pak Ramli akan mengeluarkan satu lagu baru yang dicipta khas oleh Pak Ramli untuk keluaran RTM Terengganu (Trg FM).

Penghargaan dan Pencapaian

Selama 35 tahun berkhidmat bersama Jabatan Belia dan Sukan (Kementerian Belia dan Sukan), beliau telah terpilih untuk menerima beberapa anugerah hasil kecemerlangan kerjaya beliau di jabatan tersebut. Selain itu juga, beliau juga mendapat beberapa anugerah di dalam bidang seni lagu rakyat, antaranya:

- i. Anugerah Perkhidmatan Cemerlangan (APC) oleh Kementerian Belia dan Sukan pada tahun 1978 dan 2003.
- ii. Anugerah Pingat Lama Berjawatan (PLB) oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Mizan Zainal Abidin pada tahun 2004.
- iii. Anugerah Tokoh Sejarah Lisan 2012 oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu.
- iv. Tokoh Pendokong Seni Terengganu 2015 oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), cawangan Negeri Terengganu (Nur Adila Mahamad, 2015, ms.36)
- v. Anugerah Adiguru Gamelan Tradisional Melayu yang di anjurkan oleh Kerajaan Negeri Terengganu/Muzium Negeri Terengganu & Universiti Malaysia Terengganu (UMT) 2018 di majlis Apresiasi Lambang Seni Gamelan Tradisional Melayu.

Harapan

Dalam usaha untuk memastikan lagu rakyat Terengganu tidak luput dek zaman, Pak Ramli mengharapkan Kerajaan Terengganu perlu mengadakan pertandingan nyanyian lagu rakyat setiap tahun. Selain daripada itu, Pak Ramli mengharapkan agar Pusat Pengajian Tinggi mengadakan kursus nyanyian lagu-lagu rakyat di universiti supaya lagu rakyat terus dinyanyikan oleh generasi muda. Ianya juga boleh menjadi satu platform untuk meneruskan minat mereka dan mengasah bakat mereka dalam menyanyikan lagu rakyat.

Seperti pepatah berkata, “kecil tapak tangan, nyiru saya tадahkan”, dapat dikaitkan dengan usaha sesetengah pihak merekodkan semua lagu yang dicipta dan dinyanyikan oleh Pak Ramli dalam satu bentuk simpanan kekal untuk dijadikan warisan anak Terengganu serta untuk disimpan dan dipelihara. Impian Pak Ramli adalah semoga hasil karyanya diangkat dan dinyayikan oleh penyanyi-penyanyi muda dan pada masa yang sama dapat menyanyikan lagu tersebut secara berduet bersama mereka.

Kesimpulan

Kesimpulannya, warisan lagu rakyat ini perlu diketengahkan dan dipelihara supaya tidak luput dek zaman. Dalam erti kata lain, lagu rakyat

masih mempunyai kepentingan yang tersendiri. Antaranya ialah kepentingan mengekalkan dialek sesebuah negeri. Melalui nyanyian dan lirik lagu rakyat ini, dialek-dialek lama dapat dikekalkan. Seterusnya dari segi nasihat dan didikan adab. Lagu rakyat memainkan peranan penting dalam menyampaikan nasihat secara bersahaja iaitu melalui nyanyian dan alunan alat muzik. Nasihat yang disampaikan tidaklah melalui nada suara yang tegas dan garang, namun sedikit sebanyak dapat menegur sikap masyarakat apabila mendengarnya.

Bibliografi

- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. (2019). *Muzik & Lagu Rakyat*. Diakses pada 2019, Mac 26, di <https://pemetaanbudaya.my/v1/portfolio-items/muzik-lagu-rakyat/>
- Norhafizah Musa (2007, Mac 10). *Bintang@sinar: Ramlil Sinonim Lagu Daerah*. Sinar Harian, ms. 20.
- Nur Adila Mahamad (2015, November 19). *Terengganu: Martabat Semula Seni Terengganu*. Sinar Harian, ms. 36.
- Nur Syazana Abdullah & Nursuhadah Mohamad Soupi (2019, April 14). Personal Interview
- Siti Roudhah Mohamad Saad, Radia Banu Jan Mohamad, Cik Ramlah Che Jaafar dan Noor Azlinda Wan Jan. (2012). *Penukilan Ilmu Baharu Melalui Sejarah Lisan*. Jurnal PPM, 6, 63-76.